

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 24
 RUANGAN : NASIONAL

2,914 mangsa banjir dipindah

Kelantan rekod jumlah tertinggi cecah hampir 2,000 orang

Oleh Mohamed Farid Noh dan Nurul Hidayah Bahaudin
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 2,914 mangsa banjir membolehkan 904 keluarga berpindah di Kelantan, Perak, Selangor, Johor dan Melaka sehingga tengah hari semalam.

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dalam kenyataan memaklumkan, jumlah itu membolehkan 14 daerah di lima negeri berkenaan.

"Kelantan merekodkan jumlah mangsa banjir tertinggi dengan hampir 2,000 mangsa diikuti Johor (449), Perak (290), Selangor (145) dan Melaka (51).

"Jumlah itu menyaksikan peningkatan ketara mangsa banjir di Kelantan dari 1,468 mangsa semalam (kelmarin), kepada 1,979 mangsa.

"Seramai 37 mangsa banjir di Pulau Pinang sudah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing," katanya.

Katanya, sebanyak 31 pusat pe-

mindahan sementara (PPS) masih aktif, manakala dua pusat pemindahan di Pulau Pinang ditutup semalam.

Di **Johor Bahru**, Sungai Skudai di Kampung Laut, melepasi paras bahaya tengah hari semalam, dengan rekod 3.27 meter, berbanding paras normal, 1.00 meter.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah dalam kenyataan berkata, peningkatan mendadak paras Sungai Skudai itu sekali gus meningkatkan risiko banjir kilat.

Rekod paras amaran

Katanya, Sungai Skudai di Kampung Pasir, Tampoi turut merekodkan paras amaran apabila ia melepasi paras 0.78 meter, berbanding paras normal 0.30 meter.

"Dua lagi sungai yang melepasi paras amaran di Johor ialah Sungai Batu Pahat membolehkan lembangan Sungai Lenik di Ladang Chaah, yang merekodkan paras 5.55 meter, berbanding paras normal, 4.10 meter.

"Sungai Kesang membolehkan lembangan Sungai Tangkak di Kampung Seri Makmur, turut melepasi paras amaran apabila ia merekodkan paras 3.54 meter, berbanding paras normal 2.00 meter," katanya.

Sementara itu, **BERNAMA** melaporkan di Pasir Mas, lima kes positif COVID-19 dikesan dalam kalangan mangsa banjir di Pusat

Pemindahan Banjir (PPS) Sri Kiambang, Rantau Panjang di sini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin, berkata empat pesakit ialah kon-

tak rapat kepada mangsa pertama, iaitu lelaki berusia 30-an yang dikesan positif kelmarin.

"Kontak rapat itu ialah isteri, dua anaknya dan seorang lagi saudaranya, bagi mengelakkan

jangkitan berlaku terhadap mangsa banjir lain," katanya.

Dr Zaini berkata, 18 lagi mangsa banjir di PPS itu menjalani ujian saringan COVID-19 dan didapati negatif.



Tinjauan laluan ke Jalan Kampung Gual To' Deh, Rantau Panjang ditutup akibat banjir. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur

Individu positif Covid-19 yang akan mengundi pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) wajib memakai pelitup muka manakala pemakaian pelitup muka bagi pengundi lain adalah amat digalakkan.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata pengundi positif Covid-19 juga tidak dibenarkan menaiki kenderaan awam termasuk e-hailing.

"(Pengundi positif Covid-19 tidak dibenarkan) singgah di mana-mana sebelum dan selepas mengundi dan perlu pulang segera selepas selesai mengundi," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Bagi memastikan proses pengundian berjalan lancar dan selamat terutamanya bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan, Dr Noor Hisham berkata pengundi positif Covid-19 perlu mematuhi penjarakan fi-



PENGUNJUNG memakai pelitup muka semasa tinjauan di Pasar Tani UTC, Kuantan.

PENGUNDI POSITIF COVID-19

Wajib pakai pelitup muka!

zikal yang selamat manakala penjarakan fizikal bagi pengundi lain amat digalakkan.

Katanya pengundi juga perlu menggunakan pensanitasi tangan yang disediakan di tempat mengundi,

selain disyorkan membawa pensanitasi tangan sendiri.

Dr Noor Hisham berkata individu yang belum menerima dos penggalak vaksin Covid-19 dinasihatkan supaya segera mendaftar dan mendapatkan vaksin bagi

melindungi diri dan orang sekeliling.

"Marilah kita bersama-sama mengurangkan risiko jangkitan Covid-19 kepada pengundi dan petugas di pusat mengundi sepanjang PRU-15," katanya.

Dr Noor Hisham turut berkongsi infografik mengenai nasihat am kepada pengundi PRU15 bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan Covid-19 di laman Facebooknya kelmarin.

Beliau berkata petugas kesihatan akan ditempatkan di pusat pengundian bagi membantu melicinkan urusan pengundi positif Covid-19 dan menasihatkan mereka untuk mematuhi nasihat petugas kesihatan itu.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan hari ini sebagai hari mengundi awal manakala 19 November bagi hari pengundian PRU-15.

Kes baharu Covid-19 turun 13.4 peratus

Kuala Lumpur: Kes baharu Covid-19 di negara ini menurun 13.4 peratus kepada 23,045 kes pada Minggu Epidemiologi ke-45 (ME 45/2022) iaitu dari 6 hingga 12 November berbanding 26,577 kes pada ME sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataan semalam berkata kes kematian pula meningkat sebanyak 82.8 peratus daripada 29 kes kepada 53 kes.

Katanya, bilangan kes sembuh pada ME 45 turut meningkat sebanyak 38.5 peratus kepada 28,704 kes berbanding 20,718 kes pada minggu sebelumnya.

"Purata kes aktif setiap hari bagi ME 45/2022 meningkat sebanyak 1.7 peratus (33,449 kes kepada 34,033 kes) berbanding ME 44/2022," katanya.

Beliau berkata secara kumulatif sebanyak 4,946,583 kes baharu Covid-19 dicatatkan sejak ME 4/2020 iaitu 25 Jan 2020 hingga ME 45/2022 (12 November 2022), sementara kes sembuh yang direkodkan adalah sebanyak 4,879,195 kes.

Katanya, kumulatif kes kematian yang dicatatkan bagi tempoh sama adalah 36,546 kes.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

Pengundi positif wajib pakai pelitup muka

Turut tidak dibenarkan naik kenderaan awam termasuk *e-hailing* pada hari mengundi Sabtu ini

Oleh **TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA**

Semua individu positif Covid-19 wajib memakai pelitup muka ketika membuang undi pada hari pengundian Sabtu ini. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pengundi

positif Covid-19 juga tidak dibenarkan menaiki kenderaan awam termasuk *e-hailing*.

"Mereka juga dilarang singgah di mana-mana lokasi sebelum dan selepas mengundi.

"Individu positif Covid-19 perlu pulang segera selepas selesai mengundi," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, pesakit Covid-19 perlu mematuhi penjarakan fizikal yang selamat bagi mengelakkan penularan.

"Bagi pengundi lain, pemakaian pelitup muka adalah sangat digalakkan selain disarankan mengamalkan penjarakan fizikal," katanya.



DR NOOR HISHAM

Beliau berkata, pengundi turut digalakkan menggunakan pensanitasi tangan yang disediakan di tempat mengundi.

"Marilah kita bersama-sama mengurangkan risiko jangkitan Covid-19 kepada pengundi dan

petugas di pusat mengundi sepanjang PRU15 (Pilihan Raya Umum ke-15)," katanya.

Sebelum ini, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengemukakan dua syor untuk dipertimbangkan Suruhanjaya Pilihan Raya bagi membolehkan individu positif Covid-19 mengundi pada PRU15.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : NASIONAL

5 kes positif Covid-19 di PPS



ZAINI

PASIR MAS - Lima kes positif Covid-19 dikesan dalam kalangan mangsa banjir setakat ini di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sri Kiambang, Rantau Panjang di sini, kata Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin.

Beliau berkata, empat pesakit ialah kontak rapat kepada mangsa pertama iaitu lelaki berusia 30-an yang dikesan positif Ahad lalu.

"Kontak rapat itu ialah isteri, dua anaknya dan seorang lagi saudaranya telah diasingkan dekat bilik khas di PPS berkenaan bagi mengelakkan sebarang jangkitan berlaku kepada mangsa banjir yang lain," katanya ketika dihubungi *Bernama*.

Mengulas lanjut, Dr Zaini memberitahu, seramai 18 lagi mangsa banjir di PPS itu telah menjalani ujian saringan Covid-19, bagaimanapun kesemuanya adalah negatif.

Pada Ahad, *Bernama* melaporkan seorang lelaki yang ditempatkan di PPS Sri Kiambang dikesan positif Covid-19 selepas mengadu batuk dan demam sebelum menjalani ujian saringan yang dijalankan pihak Kementerian Kesihatan (KKM).

Sementara itu, di **JOHOR**, Tangkak menjadi daerah terbaharu dilanda banjir kilat. Sehubungan itu, lapan PPS dibuka di lima daerah iaitu Pontian, Kulai, Kluang, Segamat dan Tangkak.

Bagaimanapun, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dalam satu kenyataan memberitahu, tiga PPS yang menempatkan 143 mangsa banjir di Segamat dan Kulai ditutup pada petang Isnin.

Perkembangan tersebut menjadikan jumlah terkini mangsa banjir hanya 310 orang daripada 77 keluarga di enam PPS yang masih dibuka setakat jam 4 petang, Isnin.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

Covid-19-positive voters must wear face masks

PETALING JAYA: Covid-19-positive voters intending to cast their ballots on Saturday must wear face masks, says Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

"The Health Ministry has taken the initiative to advise members of the public to adhere to health recommendations.

"This is to ensure the voting process is conducted smoothly, particularly in terms of reducing the spread of Covid-19.

"Among them is that individuals who are Covid-19 positive are required to wear face masks while it is highly recommended for the other voters to do so," the Health director-general said in a statement yesterday.


He added that voters who tested positive for Covid-19 must ensure physical distancing when at the polling stations.

He said Covid-19-positive voters would also be barred from using public transportation, including e-hailing services, when travelling to vote.

"Covid-19-positive voters are not allowed to stop anywhere before and after voting and must return immediately after casting their ballots," he said.

Prior to this, the Health Ministry submitted recommendations on Covid-19 preventive measures to the Election Commission (EC).

The recommendations include the setting up of special booths or



lanes for Covid-19 voters.

On Nov 2, the EC announced that it had no plans to impose Covid-19

standard operating procedure for GE15.

The EC said that no Covid-19 screenings would be carried at the polling stations or the setting up of special tents.

The EC added that it was up to individuals to take the necessary precautions but recommended that those in the high-risk groups wear face masks at the voting centres.

Meanwhile, Dr Noor Hisham said the number of Covid-19 deaths almost doubled to 53 cases last week compared with the previous week despite a recent drop in infections.

"New cases for (epidemiological week) ME45/2022 (last week)

decreased by 13.4% from 26,616 cases the previous week to 23,045 cases while local infections also decreased by 13.4% from 26,577 cases to 23,027 cases.

"The number of deaths for the same period increased by 82.8% from 29 cases to 53," he said.

Although there has been a decrease in infections, the number of daily active cases last week increased by 1.7% to 33,449 cases against 34,033 the previous week.

The Health Ministry's KKMNow portal said 2,234 new Covid-19 infections were recorded on Sunday.

This brings the total to 4,948,817 cases since the pandemic began.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Mask required for Covid-positive voters

KUALA LUMPUR: Covid-19 positive individuals participating in the 15th general election (GE15) on Saturday must wear face masks while others are strongly encouraged to do so as well, said Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said voters who have tested positive are also not allowed to use public transport, including e-hailing vehicles.

"Covid-19 positive voters are not allowed to stop by anywhere before and after voting and must return home immediately," he said in a statement yesterday.

Noor Hisham said to ensure the voting process runs smoothly and safely, and especially to reduce the risk of infection,

Covid-19 positive individuals must adhere to safe social distancing, which is also highly encouraged for others present.

He added that voters should also use hand sanitiser provided at polling stations, or to bring their own.

Noor Hisham also said individuals who have not received a booster dose of the Covid-19 vaccine are advised to immediately register and get the shot to protect themselves and those around them.

"Let's work together to reduce the risk of Covid-19 infection to voters and staff at polling stations throughout GE15."

On Sunday, Noor Hisham also shared an infographic on his Facebook page on general advice to voters to reduce the risk of the spread of Covid-19 infections.

He said healthcare workers would be stationed at polling centres to facilitate the affairs of Covid-19 positive individuals and voters are advised to follow the directives issued. - Bernama